

TEKS UCAPAN PRESIDEN ANGKASA

**PERASMIAN BENGKEL
MEMPERKASAKAN INDUSTRI TENUSU &
LAWATAN KERJA PRESIDEN ANGKASA
KE PROJEK AKUAKULTUR
BERKELOMPOK & PROJEK LEMBU
TENUSU**

PADA 22 OGOS 2017

AGRO FARM KOPRIS, MERSING

JOHOR

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Ta'alla Wabarakatuh,

Salam Sejahtera
Salam 1 Malaysia
Salam 1 Koperasi

WAKIL SKM NEGERI JOHOR
- Tn. Hj Abas Abu Bakar
Pengarah SKM Negeri Johor

PENGERUSI JK. SEKTOR
PERLADANGAN, PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI ANGKASA
-Dato' Hj. Kamarudin Ismail

PENGERUSI JPAN NEGERI JOHOR;
- En. Sazali Abd. Hamid

PENGURUS BESAR PPK MERSING

- En. Omar bin Othman

PENGURUS BESAR BAHAGIAN PERLADANGAN, PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- En. Hasnan Hj. Mustapha

KONSULTAN PROJEK TERNAKAN LEMBU TENUSU

- Tn. Hj Yusoff Hassan
Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil
Wilayah Johor Selatan Berhad
(KOPRIS)

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Pengerusi-Pengerusi dan ALK
Koperasi/ Peserta-peserta Bengkel

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian.

1. Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan izinnya kita diberi kesempatan untuk mengadakan Bengkel Memperkasakan Industri Tenusu di Agro Farm KOPRIS ini bermula hari ini 22 – 24 Ogos 2017.

2. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Perladangan, Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama pihak KOPRIS selaku mentor projek kerana berjaya menganjurkan bengkel ini dengan jayanya.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Industri ruminan telah berkembang pesat di Malaysia sebagai sumber pengeluaran makanan negara. Koperasi tidak terkecuali terlibat secara langsung dalam projek ternakan lembu tenusu untuk menambah serta

mempelbagaikan pendapatan koperasi.

4. Selaras dengan matlamat yang digariskan di bawah “National Key Economic Area” (NKEA), ANGKASA berusaha meningkatkan penglibatan koperasi di dalam sektor ternakan tenusu khususnya dalam

penternakan lembu tenusu.
ANGKASA telah berjaya
menggabungkan koperasi – koperasi
berminat di bawah satu projek
ternakan Lembu Tenusu Secara
berkelompok.

5. Objektifnya untuk memperkasakan penternakan lembu tenusu melalui penglibatan koperasi; menghapuskan orang tengah; dan membantu Kerajaan dalam memaksimakan pencapaian matlamat di bawah NKEA.

6. Projek Ternakan Lembu Tenusu ini merupakan satu program berimpak tinggi yang di bangunkan ANGKASA tetapi mesti digerakkan secara berdikari dengan mengambil manfaat dan kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi di bawah pihak Kementerian Pertanian

& Industri Asas Tani seperti Jabatan Veterinar Malaysia, MARDI.

7. Alhamdulilah saya berbangga melihat kemajuan yang dicapai oleh projek kelompok ternakan lembu tenusu ini dimana sehingga kini sebanyak 6 buah koperasi terlibat dalam projek ini. Saya difahamkan

sebanyak 42 ekor baka lembu telah diimport daripada Australia dan mula diternak di projek ini. Projek ini dijalankan secara berkelompok oleh koperasi-koperasi dengan diteraju oleh pihak ANGKASA dengan sokongan dan kerjasama pihak SKM dan Jabatan Veterinar Malaysia.

Pihak ANGKASA akan mengadakan kerjasama strategik dengan pihak NACF, Korea di dalam membangunkan projek ini, di mana satu memorandum persefahaman akan di tandatangani semasa program ICAKL 2017 pada bulan November 2017.

8. Saya juga turut berbangga selain daripada ternakan lembu, projek kelompok ternakan udang juga turut dijalankan di Mersing ini. Saya difahamkan projek ini berjaya mencapai hasil tuaiannya mencecah lebih kurang 10 metrik tan bagi pusingan pertama dan

keuntungannya dapat dikongsikan oleh 8 buah koperasi-koperasi yang terlibat. Alhamdulillah

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

9. Untuk lebih berjaya koperasi harus merebut peluang yang dihasratkan kerajaan menjelang 2020 yang

mensasarkan pengeluaran susu meningkat daripada 67 juta liter kepada 118 juta liter setahun berbanding pengeluaran semasa sebanyak 26 juta liter pada tahun 2016 yang masih jauh daripada mencukupi

10. Bagi mencapai matlamat ini banyak kemudahan disediakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi pertanian seperti MARDI, LPP, FAMA, Jabatan Pertanian & Industri Asas Tani dan lain-lain lagi. Koperasi juga berpeluang mendapat perkhidmatan yang ditawarkan itu.

11. Satu lagi yang kelompok boleh lakukan mengadakan *site visit* untuk melihat kejayaan penternakan lembu susu yang dijalankan oleh pihak Kerajaan di Muadzam Shah, Pahang .

12. Koperasi juga perlu mempunyai inisiatif dan usaha sendiri untuk mencari peluang-peluang baru di persekitaran sendiri yang mempunyai nilai komersial yang boleh menambahkan pendapatan koperasi dalam masa yang sama dapat membantu anggota-anggota.

13. ANGKASA akan terus berusaha mencari jalan untuk membantu membangunkan perniagaan koperasi. Kejayaan gerakan koperasi tidak dijayakan oleh sebuah koperasi tetapi oleh seluruh koperasi di negara ini. Kejayaan akan tercapai apabila kita bekerjasama dan bersatu.

14. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas jemputan ini. Saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim merasmikan **Bengkel Memperkasakan Industri Tenusu.**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah.
Assalamu'alaikum
WarahmatullahiWabarakatuh.